

MINTA RM2K LULUS *CLAIM* JAGA



MOHD Fauzi membuat pengakuan tidak bersalah terima suapan lima tahun lalu.

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

Seremban

Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Port Dickson dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Seremban di sini, semalam atas pertuduhan menerima suapan bagi meluluskan tuntutan tugas pengawal keselamatan sekolah lima tahun lalu.

Tertuduh, Mohd Fauzi Abdul, 46, bagaimanapun membuat pengakuan tidak bersalah di hadapan Hakim Rushan Lutfi Mohamed selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa.

Menurut kertas pertuduhan, tertuduh yang bertugas di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Port Dickson menerima suapan wang tunai RM2,000 daripada seorang lelaki sebagai upah bagi meluluskan tuntutan tugas pengawal keselamatan bagi bulan Oktober 2017 di sekolah-sekolah dalam daerah Port Dickson.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah bank di Lukut, Port Dickson pada 16 November 2017.

Oleh itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) Akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan dikenakan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan.

Pihak pendakwa kenaldalikan Timbalan Pendakwa Raya, Mohamad Azriff Firdaus Mohamad Ali menawarkan jaminan sebanyak RM5,000.

Tertuduh yang diwakili peguam Datuk Hanif Hassan bersetuju dengan jumlah jaminan berkenaan.

Mahkamah kemudiannya menetapkan jaminan sebanyak RM5,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan perlu melaporkan diri di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Daerah Port Dickson pada atau sebelum 7 haribulan setiap bulan.

Sebutan semula kes pada 30 Ogos.